



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 20 MEI 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	20.05.2017 Sabtu	BERITA HARIAN Menjadikan tempat kerja selamat, sihat	Muka Sepuluh 10	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), YBTM

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA
Datuk Seri Ismail
Abd Muttalib
Timbalan Menteri Sumber Manusia
membangkit Ahli Parlimen Maran

Matlamat Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pula untuk mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan rakyat Malaysia"

Pekerja yang sihat, produktif dan berinovasi amat diperlukan oleh negara bagi mencapai matlamat dasar pembangunan negara"

Pemeriksaan bertujuan memastikan perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi bagi menjamin pengedaran tempat kerja dan jentera yang selamat serta tiada risiko kesihatan ke atas pekerja"

Menjadikan tempat kerja selamat, sihat

Menjadikan tempat kerja selamat, sihat dan bebas kemalangan dan penyakit adalah penting. Ia akan menyumbang kepada peningkatan tahap persekitaran kerja yang menjadi satu daripada komponen penting kepada kualiti hidup pekerjaan dan produktiviti organisasi. Kedua-dua kesan positif ini seterusnya akan menyumbang secara langsung kepada peningkatan kualiti hidup rakyat dan daya saing negara sejajar dengan matlamat dasar dan pelan transformasi negara.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia dipertanggungjawab bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di negara ini terjamin.

Bagi merealisasikan hasrat ini, jabatan turut bekerjasama dalam mencapai agenda Decent Work, Kementerian Sumber Manusia dengan mengurus dan mentadbir satu daripada enam teras strategik Kementerian Sumber Ma-

nusia iaitu Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang Dinamik. Ini terangkai dan melalui penyusunan strategi Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSH MP 2020) yang dilancarkan pada Hari Pekerja 2016.

Negara berpendapatan tinggi merupakan matlamat utama kerajaan. Negara berpendapatan tinggi, berteknologi moden menjelang 2020. Matlamat Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tingkat mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan rakyat Malaysia dengan mengorganiskan kadar kemalangan dan penyakit berkaitan pekerjaan, menambatkan kesadaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan meningkatkan amalan KKP di tempat kerja.

Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti negara. Persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan sihat akan menjadikan pekerja sihat, produktif dan berinovasi. Secara

langsung, ini menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing organisasi.

Pekerja yang sihat, produktif dan berinovasi amat diperlukan oleh negara bagi mencapai matlamat dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Ke-11, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa pembertukaran budaya pencapaian adalah satu daripada elemen penting kepada kesejahteraan pekerja, majikan, rakyat dan negara.

Pembangunan pesat negara turut mendorong jabatan untuk bertindak proaktif dan berpandangan jauh demi mencapai matlamat untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Demi mencapai matlamat ini, jabatan menjalankan dan menerbitkan kajian serta bahan rujukan dalam usaha mengenal pasti tahap pengalaman keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh majikan dan pekerja selain mementingkan maklumat dan panduan kepada pihak terbabit.

Standard, kajian dan pemerhatian yang disediakan oleh jabatan dapat membantu rakyat Malaysia untuk membuat rujukan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hal ini membolehkan rakyat bersama mengenal pasti dan mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan Pekerjaan, sama ada di tempat kerja atau di mana-mana sahaja.

Selain itu, JKKP juga menjalankan penguatkuasaan melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, sama ada di tempat kerja atau di mana-mana sahaja. Pemeriksaan bertujuan memastikan perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi bagi menjamin pengedaran tempat kerja dan jentera yang selamat serta tiada risiko kesihatan ke atas pekerja.

Jabatan turut menjalankan pe-

nguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Timah Hitam, Proses Asbestos, Kendallahan Binaan dan Kerja Kerja Binaan Kelengkapan, Pendedahan Bunyi Bising dan Habuk Galian, Pematahan kepada kehendak dalam Peraturan yang dikuatkuasakan ini di beri peneakan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja serta persekitaran tempat kerja adalah terkawal.

245,229 pemeberlaksanaan Secara tuntas, pada 2016 sahaja, 245,229 pemeriksaan dibuat meliputi sajak pemeriksaan ke atas jentera bersijil, kilang dan tapak binaan. Ini adalah penguatkuasaan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan lain-lain sektor di bawah AKKP, sejumlah 2,010 Penguatkuasaan bagi Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (USM-CHH), 173 Penguatkuasaan bagi Pergelangan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia (GLASS) dan 11,075 bagi penguatkuasaan di tempat kerja.

Bagi tempat kerja yang tidak mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan oleh JKKP tindakan punitif diambil, meliputi 24,631 notis dikeluarkan dengan 1,790 kompaun dan 406 kes pendakwaan.

Justeru, pematuhan perundangan oleh majikan dan pekerja dapat menjamin persekitaran yang selamat dan sihat sama ada di tempat kerja, tempat awam, serta kawasan yang terdedah dengan kerja-kerja yang sedang dijalankan, sekali gus dapat mencapai objektif agenda negara dalam mengorganiskan kadar kemalangan di tempat kerja.

1 Tidak mudah bagi Malaysia merealisasikan hasrat ini. Kita Sidiqman buat kali pertama tahun ini, dengan apat semua penari memaikan peranan dan menunjukkan komitmen yang tinggi kepada penari badminton nombor satu dunia, Datuk Lee Chong Wei yang turut menerima penaru negara melalui persembahan terbaik untuk mencapai hasrat itu di Gold Coast, Australia. Ratu Kugayapany, risik.